

tidak berani mencuba pelbagai fesyen.

Rekaannya bakal diperagakan oleh The Red Warriors (TRW) malah dia juga ada mereka fesyen sut untuk pasukan bola sepak Kelantan itu.

"Lelaki di Malaysia kurang berani berfesyen seperti di negara-negara lain.

"Maka saya mahu mencipta sesuatu untuk mereka membuktikan tiada apa yang perlu ditakuti dengan fesyen berwarna-warni kerana ia membuatkan seseorang lebih bergaya dan berkeyakinan.

"Kebanyakan gaya 1H diinspirasi daripada fesyen di Thailand kerana mereka di sana sudah lama berani berfesyen," ujarnya yang juga merupakan perunding rekaan Batik Desa Murni, Kuala Terengganu.



WARNA yang terang dan kontra banyak digunakan oleh Wan Huzairil bagi rekaannya.

Masa untuk rakan

Sesungguhnya, untuk mendapatkan masa pereka fesyen ini bagi sesi temuramah bukanlah mudah.

Jadual waktunya sentiasa penuh dengan tugas di dalam dan luar negara sehinggakan dia sendiri sukar mencari masa untuk bersantai.

Boleh dikatakan setiap minggu, hanya dua hari sahaja dia berada di Kuala Lumpur, sehari di Kelantan dan selebihnya diperuntukkan di negara jiran, Thailand.

Wan Huzairil sering terbang ke Thailand kerana terlibat dengan beberapa perniagaan dan projek dan kebanyakannya melibatkan ibu angkatnya yang menguruskan sekolah fesyen di sana.

"Selalunya pelanggan saya perlu datang

ke rumah saya kerana masa yang suntuk.

"Jika adapun masa lapang, saya akan menghabiskannya bersama-sama rakan baik yang menyokong saya dari dulu.

"Selalunya kami akan pergi membeli-belah dan karaoke.

"Jika saya berada di Kuala Lumpur dan perlu bekerja, saya akan mengheret rakan baik saya sekali," ujarnya yang banyak dipengaruhi rekaan Alexander McQueen dan John Galiano.



WAN Huzairil suka mencari kelainan dalam rekaannya.



IMEJ Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor yang disenangi sesuai dengan produk yang diwakilinya, Empire Premiere.

Angkasawan Negara wajah baru Empire Premiere

Oleh RAJA INTAN DIANNA RAJA AZAHAM
danna.azaham@utusan.com.my

SESUAI dengan imej Empire Classic Furniture yang terkenal dengan rekaan perabot yang eksklusif, angkasawan negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dipilih sebagai duta jenamanya baru-baru ini.

Mewakili jenama 'Empire Premiere', Sheikh Muszaphar yang menjadi kebanggaan tempatan dilantik sebagai duta selama dua tahun.

Dia dipilih atas dasar personaliti yang menarik dan jurucakap yang bagus di samping imejnya yang sesuai dengan konsep produk terbaru mereka.

Empire Premiere merupakan konsep dan rekaan terbaru Empire Classic Furniture daripada rekaan sebelum ini dan lebih menonjolkan imej klasik yang sesuai dengan apa saja rekaan dalaman rumah.

Empat kategori diperkenalkan di bawah jenama Empire Premiere iaitu Empire House of Chestfield, Empire Italian Heritage, Empire Nobel Home dan Empire Luxury France Home.

Empire Premiere mempunyai rekaan yang eksklusif dan tersendiri yang membentuk personaliti sendiri.